Nama:

MODUL 7 - PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN

1. Akaun Perdagangan berikut mengandungi beberapa kesilapan.

FDA Enterprise
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007

	RM		RM
Inventori 1/7/06	4 050	Jualan	20 100
Belian	17 200	Pulangan masuk	118
Beli perabot	850	Inventori 30/6/07	5 200
Pulangan keluar	225	Jualan perabot	440
Untung kasar	3 358		
	25858		**25858**

Berapakah untung kasar FDA Enterprise jika akaun itu disediakan dengan tepat?

A RM3 415
B RM3 460
C RM3 977
D RM4 157

SPM 2008

2. Butir yang manakah dicatat dalam Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan?

A Inventori awal
B Inventori akhir
C Gaji belum bayar
D Insurans prabayar

SPM 2008

3. Kedai Komputer AZN menawarkan perkhidmatan membaiki komputer di Pekan Jejawi, Perlis sejak dua tahun yang lepas.

Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi?

A Upah membaiki, insurans dan alat tulis
B Upah membaiki, kadar bayaran dan alatan pejabat
C Upah membaiki, bank dan kadar bayaran
D Upah membaiki, tunai dan gaji

SPM 2009

4. Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

	RM
Untung kasar	6 000
Sewa dibayar	1 000
Inventori akhir	800
Kadar bayaran	600
Komisen diterima	300

Berapakah untung bersih?

A RM3 600
B RM3 900
C RM4 100
D RM4 700

SPM 2009

LIVEWORKSHEETS

5. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku Ima Enterprise.

Ima Enterprise

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2007

Aset bukan semasa	**RM**	**RM**
Lengkapan		1 950
Aset semasa		
Inventori akhir	1 270	
Akaun Belum Terima	2 150	
Insurans prabayar	60	
Liabiliti semasa		
Bank	140	
Akaun Belum Bayar	1 780	

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

A RM7 350
B RM5 400
C RM3 510
D RM1 560

SPM 2008

6. Butiran manakah yang dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bentuk penyata?

I Inventori akhir
II Modal kerja
III Untung kasar
IV Susut nilai perabot

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

SPM 2009

7. Apakah kesan ke atas Akaun Untung Rugi perniagaan jika jumlah belanja melebihi jumlah hasil?

A Rugi kasar
B Rugi bersih
C Untung kasar
D Untung bersih

SPM 2012

8. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tini pada 31 Disember 2010.

	RM
Untung kasar	5 000
Komisen diterima	400
Gaji	1 000
Kadar bayaran	600
Angkutan keluar	500

Berapakah nilai untung bersih?

A RM2 500
B RM3 300
C RM3 500
D RM4 300

SPM 2011

LIVEWORKSHEETS

9. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Fiqa Enterprise.

	RM
Belian barang niaga	3 000
Belian alatan pejabat	2 000
Pulangan masuk	550
Pulangan keluar	450

Berapakah jumlah belian bersih?

A RM2 450
B RM2 550
C RM4 450
D RM4 550

SPM 2012

10. Pada 31 Mac 2012, inventori akhir Perniagaan Jati dinilai RM21 300 pada harga kos dan RM24 100 pada harga pasaran.
Berapakah inventori akhir yang dicatat dalam Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut?

	Penyata Pendapatan	Penyata Kedudukan Kewangan
A	RM21 300	RM24 100
B	RM21 300	RM21 300
C	RM24 100	RM21 300
D	RM24 100	RM24 100

SPM 2013

11. Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Perniagaan Aman pada 31 Disember 2012.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2012		
	Debit (RM)	**Kredit (RM)**
Belian dan Jualan	74 000	92 200

Catatan manakah yang betul dalam Akaun Perdagangan?

A

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 (petikan)			
	RM		RM
Belian	74 000	Jualan	92 200

B

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 (petikan)			
	RM		RM
Belian	92 200	Jualan	74 000

C

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 (petikan)			
	RM		RM
Jualan	74 000	Belian	92 200

D

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 (petikan)			
	RM		RM
Jualan	92 200	Belian	74 000

SPM 2013

LIVEWORKSHEETS

12. Antara yang berikut, yang manakah digunakan untuk mengira kos jualan?

I Jualan, pulangan keluar, inventori
II Belian, inventori awal, angkutan keluar
III Belian, inventori awal, angkutan masuk
IV Inventori akhir, pulangan keluar, duti import

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2014

13. Apakah item yang akan menambahkan kos belian?

I Pulangan belian
II Angkutan masuk
III Diskaun diterima
IV Insurans atas belian

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

SPM 2015

14. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perniagaan Qistina.

Perniagaan Qistina
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013

	RM	RM
Aset Semasa		
Inventori	15 000	
Akaun Belum Terima	8 000	
		23 000
Tolak: Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar		7 000
X		16 000

Apakah X?

A Modal awal
B Modal kerja
C Modal akhir
D Modal tambahan

SPM 2014

15. Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan

	RM
Untung kasar	6 000
Sewa dibayar	1 000
Inventori akhir	800
Kadar bayaran	600
Komisen diterima	300

Berapakah untung bersih?

A RM3 600
B RM3 900
C RM4 100
D RM4 700

SPM 2018

LIVEWORKSHEETS

16. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Aisah pada 31 Mac 2011.

	RM
Inventori awal	5 400
Belian	16 340
Pulangan belian	480

Maklumat tambahan:
Aisah mengambil barang niaga bernilai RM300 untuk kegunaan sendiri.

Berapakah jumlah belian bersih Kedai Aisah?

A RM15 860
B RM16 040
C RM16 160
D RM20 960

SPM 2011

17. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Firma Bu Yong pada 31 Mei 2015.

	RM
Alatan pejabat	15 000
Kenderaan	12 000
Akaun Belum Terima	5 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 500

Berapakah jumlah aset bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A RM25 500
B RM27 000
C RM30 500
D RM32 000

SPM 2016

18. Berikut ialah inventori akhir Kedai Pakaian Smart.

	Harga Kos	**Harga Pasaran**
	RM	RM
Kemeja	4 500	4 320
Seluar panjang	5 150	5 200

Catatan manakah yang betul?

	Butir	**Debit RM**	**Kredit RM**
A	Akaun Inventori Akaun Perdagangan	9 470	 9 470
B	Akaun Perdagangan Akaun Inventori	9 470	 9 470
C	Akaun Inventori Akaun Perdagangan	9 520	 9 520
D	Akaun Perdagangan Akaun Inventori	9 520	 9 520

LIVEWORKSHEETS